

KESEDIAAN PROFESIONAL PEMBINAAN DALAM PELAKSANAAN
PENGURUSAN NILAI

HAFIFI BINTI ABDUL GHANI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrahim.....

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhamad S.A.W, para sahabat, para anbia', para shuhada, para ulama', para solihin dan seluruh muslimin dan muslimat sekian Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya maka saya dapat menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih , saya tujukan kepada penyelia Projek Sarjana Muda, Encik Ismail bin Haron di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dilaksanakan.

Akhir kata, salam kasih dan sayang buat ayah dan ibu serta keluarga tercinta di kampung serta rakan-rakan seperjuangan mahupun yang telah bekerja kerana banyak memberikan sokongan dan bantuan melalui pengalaman dan pembelajaran serta memberikan idea-idea bernas dan sokongan semasa pelaksanaan penyelidikan ini. Jasa anda semua hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Yang baik itu datangnya dari Allah, yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.

Sekian.

ABSTRAK

Pelaksanaan pengurusan nilai diharap mampu untuk mengatasi segala kekangan dan masalah yang berlaku dalam industri pembinaan. Selaras itu, kerajaan di bawah Unit Perancang Ekonomi, telah mengeluarkan pekeliling pengurusan nilai yang diharap dapat meningkatkan penjimatan kos projek di samping kos kitaran hayat bangunan yang seimbang. Dalam penyelidikan ini, tujuan kajian adalah untuk menyiasat tahap pengetahuan golongan profesional terhadap pengurusan nilai dari segi kaedah pelaksanaan pengurusan nilai dan mengenalpasti kesediaan golongan profesional terhadap pelaksanaan dasar pengurusan nilai. Untuk memperoleh maklumat yang luas, mendalam dan khusus, kaedah borang soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 105 borang soal selidik diedarkan dan 55 borang soal selidik berjaya dipulangkan. Terdapat beberapa aspek yang dikenalpasti untuk mengenalpasti kesediaan profesional pembinaan iaitu aspek tahap pengetahuan, individu dan proses. Tinjauan dibuat pada praktis seni bina yang didaftarkan di bawah Lembaga Arkitek Malaysia, kejuruteraan di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan ukur bahan di bawah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Praktis – praktis ini dikategorikan berdasarkan kategori persendirian, perkongsian dan badan korporat. Keputusan yang diperolehi mendapati tahap pengetahuan bagi ketiga – tiga profesional terhadap pengurusan nilai adalah memuaskan disamping kecenderungan mereka terhadap kesediaan implementasi pengurusan nilai dalam projek pengurusan nilai yang sangat memuaskan. Secara am, ketiga – ketiga kategori firma menunjukkan kesediaan yang memuaskan. Dengan demikian pengurusan nilai boleh dilaksanakan dengan mudah dan lancar dalam industri pembinaan selain dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

ABSTRACT

Implementation of value management hope can able to handle all the constraints and problems that occur in the construction industry. Accordingly, under the government's Economic Planning Unit, the management has issued a circular which is expected to promote cost savings in the project. In this research, the purpose was to investigate the knowledge of professionals on the value management in terms of methods and identifying readiness construction professional in the implementation of value management in construction industry. To obtain information on a broad, deep, and specifically, the questionnaires was used in this study. 105 questionnaires distributed and 55 were successfully returned. There are several aspects that are identified to determine the readiness of construction professional which is in aspect of knowledge, people and processes. Survey was made on practical registered firm of architecture under the Board of Architect Malaysia, engineering under the Board of Engineers Malaysia and quantity surveying under the Board of Quantity Surveyors Malaysia. The survey is categorized under the category of sole proprietor, partnership and corporate bodies. The results found that the knowledge of architects, engineers and quantity surveyors are satisfactory and same happens to the readiness of construction professional in the implementation of value management in Malaysia construction industry where it also are in very satisfactory level. In general, the three categories of firms and the construction professional itself shows a readiness to the value management implementation in very satisfactory level. Thus, the management can be done easily and smoothly in the construction industry in addition to contributing to the economy.